

Kertas Konsep

Zon Ekonomi Khas Miri-Kuala Baram- Kuala Belait (MKBs-SEZ) 2027-2030

**Memangkinakan Pembangunan
Seimbang, Pengintegrasian
Serantau**

Disediakan oleh
Prof. Dr. Wong Chin Yoong

Dengan kerjasama daripada
Prof. Dr. Eng Yoke Kee
Prof. Dr. Evan Lau Poh Hock

Rajah
Kajian Kes
Singkatan
Rumusan

Kandungan

Peninjauan Ekonomi

Ekonomi Sarawak dalam Statistik 1
Sarawak dan Brunei Darussalam dalam Perbandingan 4
Kebergantungan Perdagangan 6

Rasional

Prinsip Umum Zon Ekonomi Khas 9
Rasional Ekonomi 12
Suara Rakyat 14
Rasional Perancangan 17
Rasional Geostrategi 20

Visi & Misi

Kenyataan Visi 23
Visi 23
Misi 24
Cadangan Nilai 25

Tonggak Pembangunan

Kerangka MKBs-SEZ 28

Empat Tonggak Pembangunan 32

Pelan Tindakan

Sasaran & Inisiatif Bagi Tonggakan 01 36

Sasaran & Inisiatif Bagi Tonggakan 02 37

Sasaran & Inisiatif Bagi Tonggakan 03 38

Sasaran & Inisiatif Bagi Tonggakan 04 39

Rajah

- Rajah 1.1** Sarawak mempunyai ekonomi keempat terbesar di Malaysia **2**
- Rajah 1.2** Sarawak mempunyai potensi yang besar dari segi pengintegrasian dalam rantaian nilai global **2**
- Rajah 1.3** Miri berpotensi besar dalam perdagangan antarabangsa berikutan modernisasi pelabuhan dan pencapaian skala ekonomi **3**
- Rajah 1.4** Sarawak dan Brunei dalam perbandingan, 2023 **5**
- Rajah 1.5** Struktur ekonomi: Sarawak (bulatan luar) vs. Brunei (bulatan dalaman) **5**
- Rajah 1.6** Kepentingan perdagangan dua hala yang tidak simetri **6**
- Rajah 1.7** Petroleum adalah komponen yang paling utama dalam eksport Malaysia ke Brunei **7**
- Rajah 1.8** Begitu juga dengan komposisi eksport Brunei ke Malaysia **7**
- Rajah 1.9** Kebergantungan perdagangan yang lebih rapat daripada jangkaan umum **8**
- Rajah 2.1** Unsur-unsur bagi zon ekonomi khas yang efektif **11**
- Rajah 2.2** Taburan SEZs yang tertumpu di Semenanjung Malaysia **19**
- Rajah 2.3** Pelabuhan Miri mempunyai kapasiti ketujuh terbesar di rantau BIMP-EAGA **20**
- Rajah 2.4** Sinergi ekonomi berikutan kerjasama pelabuhan **21**
- Rajah 4.1** Zon Ekonomi Khas Miri-Kuala Baram-Kuala Belait **29**
- Rajah 4.2** Kawasan zon perdana dengan sektor keutamaan di MKBs-SEZ **30**
- Rajah 4.3** Tonggak pembangunan MKBs-SEZ **33**

Singkatan

ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
BIMP-EAGA	Brunei-Indonesia-Malaysia-Philippines-East ASEAN-Growth-Area
CPTPP	Comprehensive Progressive Trans-Pacific Partnership
ESG	Environment, Social, and Governance
FTZ	Free trade zone
IMFC-MKB	Invest Malaysia Facilitation Centre – Miri & Kuala Baram
IWRM	Integrated Water Resources Management
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KPB	Kompleks Pelancongan Bersepadu
KZP	Kawasan Zon Perdana
MOU	Memorandum of Understanding
PKS	Perusaha kecil dan sederhana
RCEP	Regional Comprehensive Economic Partnership
SEZ	Special economic zone
UNCTAD	United Nations Trade and Development

Peninjauan Ekonomi


Ekonomi Sarawak dalam Statistik

- 1.1 Pada 2023, KDNK Sarawak (pada harga malar 2015) adalah sebesar RM142.35 bilion, sekaligus memposisikan dirinya sebagai ekonomi keempat terbesar di Malaysia, tidak jauh di belakang negeri Johor. Maka, Sarawak muncul sebagai enjin pertumbuhan utama bagi ekonomi Malaysia bersama Selangor, Kuala Lumpur, Johor, dan Pulau Pinang (lihat **Rajah 1.1**).
- 1.2 Namun sedemikian, peranan Sarawak dari segi perdagangan merentas sempadan adalah tidak setimpal dengan saiz ekonominya. Kononnya, tiga negeri utama dalam perdagangan antarabangsa, iaitu Pulau Pinang, Johor dan Selangor, telah merangkumi kira-kira 83% and 88% daripada jumlah eksport dan import Malaysia. Sebaliknya, Sarawak hanya menyumbang 7.9% daripada jumlah eksport Malaysia. Malahan, kepentingan dari segi jumlah import adalah lebih kecil berbanding dengan negeri Kedah (lihat **Rajah 1.2**). **Ia menunjukkan darjah pengintegrasian ekonomi Sarawak dalam rantai nilai global yang rendah tetapi juga bermakna potensi perkembangan yang besar.**
- 1.3 Setakat ini, Bintulu merupakan pusat kepada perdagangan antarabangsa Sarawak. Miri hanya menyumbang 6.2% daripada jumlah eksport Sarawak (lihat **Rajah 1.3**). Berikutan dengan projek pengorekan untuk mendalamkan saluran akses Kuala Baram fasa I dan II, kapasiti dan keupayaan Pelabuhan Miri dijangka akan dipertingkatkan secara substansial. Maka, aktiviti ekonomi setempat dan Miri pasti akan dirancarkan, termasuk memainkan peranan yang lebih besar dalam sektor pengeksportan. **Walaubagaimanapun, kerancangan ekonomi memerlukan dasar kerajaan sebagai pemangkin and pendorong.**

Rajah 1.1

Sarawak mempunyai ekonomi keempat terbesar di Malaysia


2025 KDNK, RM milion pada harga malar 2015



Sumber: National Accounts Gross Domestic Product by State 2025

Rajah 1.2


Sarawak mempunyai potensi yang besar dari segi pengintegrasian dalam rantaian nilai global



Sumber: Final External Trade Statistics 2024

Rajah 1.3

Miri berpotensi besar dalam perdagangan antarabangsa berikutan modernisasi pelabuhan dan pencapaian skala ekonomi




Sumber: State Socioeconomic Report Sarawak 2024

Sarawak dan Brunei Darussalam dalam Perbandingan

- 1.4 Saiz ekonomi Sarawak adalah lebih besar daripada ekonomi Brunei. Pada tahun 2023, contohnya, KDNK Sarawak (pada harga malar 2015) mencatatkan US\$36.45 bilion, hampir tiga kali ganda kepada KDNK Brunei yang berjumlah US\$13.18 bilion. Bagaimanapun, dari segi KDNK per capita, ternyata Brunei yang setinggi US\$28,725 adalah lebih makmur berbanding Sarawak yang berada di paras US\$14,524 (lihat **Rajah 1.4**).
- 1.5 Jika dilihat bersama dengan populasi Sarawak yang melebihi 2.5 juta, **Sarawak sebenarnya mempunyai saiz pasaran barangan dan buruh yang cukup besar sedangkan Brunei mempunyai daya perbelanjaan tinggi yang mampu memangkinkan pasaran perkhidmatan tempatan yang mengelilingi Brunei, khususnya Miri.**
- 1.6 Dari segi struktur ekonomi, sumbangan sektor perkhidmatan adalah terbesar kepada ekonomi masing-masing. Pada masa yang sama, perbezaan di antara kedua-dua ekonomi adalah ketara, di mana perlombongan memainkan peranan yang serupa berat kepada Brunei sedangkan pembuatan adalah sektor kedua terbesar bagi Sarawak. Pada masa yang sama, **sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi Sarawak masih ketara, malahan ia juga penting kepada ekonomi Brunei yang kurang menonjol di sektor pertanian** (lihat **Rajah 1.5**).

Rajah 1.4


Sarawak dan Brunei dalam perbandingan, 2023



Sumber: World Bank; My Local Stats Sarawak; State Socioeconomic Report Sarawak

Rajah 1.5

Struktur ekonomi: Sarawak (bulatan luar) vs. Brunei (bulatan dalaman)




Sumber: ADB Key Indicators; My Local Stats Sarawak

Kebergantungan Perdagangan

- 1.7 Saiz mutlak perdagangan dua hala membayangkan saiz ekonomi kedua-dua pihak. Maka, tidaklah hairan apabila pasaran Malaysia adalah lebih penting kepada ekonomi Brunei berbanding dengan yang sebaliknya. Khususnya, pada tahun 2023, Brunei sebagai destinasi eksport dan sumber import hanya menyumbang 0.4% dan 0.2% daripada jumlah eksport dan import Malaysia. Sebaliknya, produk Malaysia merangkumi 23.3% daripada jumlah import Brunei sedangkan pasaran Malaysia menyerap 6.7% daripada jumlah eksport Brunei (lihat **Rajah 1.6**).

Rajah 1.6

Kepentingan perdagangan dua hala yang tidak simetri




Sumber: ADB Key Indicators; Final External Trade Statistics 2024

- 1.8 Petroleum mentah dan petroleum ditapis adalah komponen yang paling penting dalam eksport masing-masing ke negara sebelah. Khususnya, 65% daripada jumlah eksport Malaysia ke Brunei merupakan kedua-dua jenis produk tersebut (**lihat Rajah 1.7**). Pada masa yang sama, kira-kira 51% daripada jumlah eksport Brunei ke Malaysia adalah petroleum mentah dan ditapis di samping gas petroleum yang meliputi 30% (**lihat Rajah 1.8**).

Rajah 1.7


Petroleum adalah komponen yang paling utama dalam eksport Malaysia ke Brunei



Sumber: The Observatory of Economic Complexity 2023, Simoes and Hidalgo (2011)¹

Rajah 1.8

Begitu juga dengan komposisi eksport Brunei ke Malaysia




Sumber: The Observatory of Economic Complexity 2023, Simoes and Hidalgo (2011)

¹ Simoes, AJG., Hidalgo, CA. (2011). The economic complexity observatory: An analytical tool for understanding the dynamics of economic development. Workshops at the Twenty-Fifth AAAI Conference on Artificial Intelligence.

- 1.9 Walau bagaimanapun, kebergantungan perdagangan antara Malaysia dan Brunei melampaui industri petroleum apabila industri-industri lain dilihat dengan lebih teliti. Contohnya, **pasaran Brunei merangkumi lebih daripada 20% sehingga 50% bagi sesetengah keluaran pertanian dan perubatan Malaysia, manakala Malaysia merupakan pasaran utama bagi keluaran-keluaran industri Brunei seperti serbuk aluminium, bateri dan jentera penggalian yang sepenting 40% sehingga 100% (lihat Rajah 1.9).**

Rajah 1.9

Kebergantungan perdagangan yang lebih rapat daripada jangkaan umum



Sumber: The Observatory of Economic Complexity 2023, Simoes and Hidalgo (2011)

- 1.10 Secara keseluruhannya, ekonomi Malaysia dan Brunei memaparkan kebergantungan yang rapat di sesetengah industri. Dijangkakan bahawa ekonomi tempatan, khususnya industri perkhidmatan di Miri dan kawasan bersempadanan dengan Brunei, mempunyai kebergantungan ekonomi yang lagi tinggi.

Prinsip Umum Zon Ekonomi Khas

- 2.1 Kebanyakan negara ASEAN membentuk zon ekonomi khas dengan tujuan untuk menarik pelaburan, menjana peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan eksport².
- 2.2 Demi mencapai sekaligus tujuan-tujuan tersebut, zon ekonomi khas akan berpautkan syarikat-syarikat multinasional yang menyasar pasaran luar negeri dalam industri-industri yang dijadikan fokus pembangunan. Pada masa yang sama, syarikat-syarikat tempatan juga akan ditempatkan di dalam zon ekonomi khas demi usaha untuk mengintegrasikan mereka ke dalam rantain nilai global bagi merealisasikan pemindahan teknologi serta penaiktarafan industri³.
- 2.3 Selaras dengan unsur-unsur tersebut serta definisi yang digariskan oleh UNCTAD⁴, rekaan zon ekonomi khas harus memberikan perhatian kepada ciri-ciri berikut:
 - i. Kawasan yang bersempadan dengan jelas.
 - ii. Institusi dan rangka peraturan yang berbeza daripada kawasan-kawasan lain dalam ekonomi. Perbezaan tersebut boleh berasaskan

² ASEAN (2020). *ASEAN Guidelines for Special Economic Zones (SEZs) Development and Collaboration*. ASEAN. Available at <https://asean.org/wp-content/uploads/2020/12/Adopted-ASEAN-Guidelines-for-Special-Economic-Zone-SEZ-Development-and-Collaboration.pdf>

³ Aggarwal, A. (2022). *Special Economic Zones for Shared Prosperity: Brunei Darussalam – Indonesia – Malaysia – Philippines East ASEAN Growth Area*. Asian Development Bank. Zeng, D.Z. (2016). *Special Economic Zones: Lessons from the Global Experience*. PEDL Synthesis Paper Series No.1, Private Enterprise Development in Low-Income Countries, UKaid.

⁴ UNCTAD (2019). *World Investment Report 2019: Special Economic Zones*. New York and Geneva: United Nations.

urusan pentadbiran, kastam, insentif fiskal, peraturan pemilikan dan sebagainya yang menawarkan manfaat khas kepada pelabur dan pedagang yang bertapak di kawasan tersebut.

iii. Sokongan infrastruktur yang lebih mantap.

2.4 Berdasarkan ratusan pengalaman pembentukan dan pengurusan zon ekonomi khas yang lepas, pelancaran sesebuah zon ekonomi khas yang berkesan harus mematuhi prinsip-prinsip berikut yang selaras dengan ciri-ciri yang digariskan di hujah 2.3⁵ (lihat **Rajah 2.1** untuk unsur-unsur bagi setiap prinsip):

i. Memilih lokasi yang strategik

ii. Memupuk persekitaran perniagaan yang berasaskan minda pelaksanaan berorientasikan pembaharuan

iii. Mengukuhkan kebolehtandingan pasaran dengan penyertaan pihak swasta sebagai penggerak utama sebanyak mungkin

iv. Memaksimumkan limpahan ekonomi melalui pendekatan inklusif dan mampan

⁵ Zeng, D.Z. (2021a). The dos and don'ts of special economic zones. *Equitable Growth, Finance & Institution Notes*. The World Bank.

Rajah 2.1

Unsur-unsur bagi zon ekonomi khas yang efektif



Memilih lokasi yang strategik

- Berdekatan dengan infrastruktur pengangkutan laut dan darat
- Industri sedia ada yang menonjolkan kelebihan daya saing secara relatif
- Ketersambungan antara zon ekonomi khas dan ekonomi setempat



Minda pelaksanaan berorientasikan pembaharuan

- Zon ekonomi khas berfungsi untuk mengatasi kekangan birokrasi
- Perkhidmatan awam dan dasar insentif yang cekap and tulus
- Sebagai perintis kepada pembaharuan ekonomi



Pihak swasta sebagai penggerak utama

- Kebolehtandingan pasaran bergantung kepada penyertaan pihak swasta
- Rangkaian bekalan komprehensif adalah tarikan pelaburan yang paling berkesan
- Rekaan zon harus memenuhi permintaan pihak swasta



Memaksimumkan limpahan ekonomi

- Zon ekonomi khas adalah pemangkin kepada ekonomi tempatan
- Limpahan boleh dijana melalui rangkaian bekalan & perhubungan subkontrak
- Kelestarian alam sekitar dan pengdigitalan adalah unsur penting

Rasional Ekonomi

- 2.5 **(Kebergantungan Ekonomi)** Sebagaimana yang dibentangkan di bab “Peninjauan Ekonomi”, kebergantungan ekonomi antara Malaysia khususnya Sarawak dengan Brunei adalah rapat di sesentengah industri, termasuk industri berat seperti petroleum dan industri ringan seperti pemprosesan makanan dan pertanian, apatahlah lagi industri perkhidmatan tempatan yang juga bergantung rapat dengan daya perbelanjaan warga Brunei. Integrasi ekonomi yang dibawa oleh kedekatan geografi secara berkesannya merupakan prasyarat kepada penyertaan pihak swasta dan limpahan ekonomi.
- 2.6 **(Sinergi rentas sempadan)** Kerjasama dua hala melalui zon ekonomi khas membolehkan perkhidmatan dikongsi, logistik bersepadu dan peraturan yang meyelaras. Maka wujudlah prasyarat kepada pengwujudan pasaran bersepadu yang berpotensi besar dan mampu menjadi daya tarikan kepada pelabur-pelabur antarabangsa.
- 2.7 **(Tarikan pelabur antarabangsa)** Memandangkan Brunei menjalin hubungan perdagangan dengan Japan melalui perjanjian perdagangan bebas dua hala di samping dengan negara-negara perdagangan utama termasuk Australia, New Zealand, China, India dan Korea melalui perjanjian pelbagai hala seperti CPTPP dan RCEP sebagai ahli kepada ASEAN, zon ekonomi khas yang melibatkan Brunei bersama dengan Sarawak yang juga menikmati manfaat perjanjian perdagangan bebas tersebut pasti akan menjadi loncatan yang menarik bagi pelabur-pelabur asing yang ingin memanfaatkan rangkaian perdagangan luas ini demi pengembangan jejak serantau mereka.
- 2.8 **(Pemangkin Perindustrian)** Zon ekonomi khas membolehkan pengelompokan pembuatan, pengembangan industri petrokimia, perkhidmatan marin, tenaga hijau, logistik berkualiti tinggi dan sebagainya⁶. Pembentukan rantai bekalan akan membuka peluang

⁶ Bergantino, A.S., Fusco, G., Intini, M. (2025). Are special economic zone policies (SEZ) effective? An empirical analysis on the transport and logistics sector. *Applied Economics*. <https://doi.org/10.1080/00036846.2025.2450389>. Wardhana, I.W., Riesfandiari, I., Jamal, E., Hanifah, V.W., Pihri, P., Handoyo, F.W., Purwana, N., Ramadhan, R.P., Setyawan, B., Placek, M., Prakarso, B.A.W., Chrysanti, N.D., Daniswara, R.M., Wijanarko, B., Setiadi, E. (2025). Does a special economic zone impact the surrounding economy? The case study of Kendal, Indonesia.

kepada perusahaan kecil dan sederhana tempatan yang berdaya saing untuk pengintegrasian ke dalam rantai bekalan antarabangsa.

- 2.9 **(Perintis eksperimen)** Pada masa yang sama, Brunei adalah sebuah negara yang tidak mengenakan cukai untungan modal dan cukai pendapatan individu, tidak menyekat penghantaran pulang keuntungan mahupun peratusan pemilikan asing, dan mengenakan cukai pendapatan syarikat serendah 18.5%. Maka, zon ekonomi khas bersama dengan Brunei boleh dijadikan perintis oleh Kerajaan Sarawak yang senantiasa berminda pembaharuan untuk eksperimen dasar-dasar cukai, penglobalisasian piawaan halal dan hijau, penerimgunaan teknologi baru, pengenalan industri yang berlainan, dan sebagainya.

Humanities & Social Sciences Communications 12(1), 1-17. Phommachanh, N. (2024). The impact of special economic zones on economic development: Evidence from nightlight analysis in the Lao People's Democratic Republic. *Asian Development Review* 41(2), 81-105.

Suara Rakyat

- 2.10 Apa yang dipaparkan di **Rajah 2.1** dan yang dibentangkan di sesi “Rasional Ekonomi” bukanlah semata-mata pandangan akademik, ia juga serasi dengan suara rakyat yang dikumpul melalui sesi temubual dengan pihak-pihak berkepentingan yang merangkumi syarikat swasta, dewan perniagaan dan agensi kerajaan. Ia termasuk Woodman Sdn. Bhd., Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Miri (MCCCI), Dewan Usahawan Bumiputra Sarawak (DUBS), Lembaga Pelabuhan Miri (MPA), Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Brunei, Pejabat Perdagangan dan Pelancongan Sarawak di Brunei Darussalam (STATOB), InvestSarawak serta Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA).
- 2.11 Secara umumnya, golongan perniagaan dan perindustrian mengalu-alukan pengwujudan zon ekonomi khas yang mampu mempergiatkan aktiviti-aktiviti komersial di Miri. Khususnya, berikutan penggorekkan dan pendalaman Pelabuhan Miri, diharapkan bahawa perindustrian berat dan berskala besar termasuk industri hiliran di sektor petroleum dan minyak sawit boleh diperkembangkan semula.
- 2.12 Bersama dengan infrastruktur lain yang sedia ada, termasuk Lapangan Terbang Miri, Lebuhraya Pan Borneo dan Pusat Konvensyen Miri yang dijangkakan siap sedia, Miri berpotensi berkembang sebagai pusat perdagangan dan pelancongan serantau.
- 2.13 Walau bagaimanapun, ahli-ahli dewan perniagaan telah menyuarakan kebimbangan masing-masing seperti yang berikut.

Pertama, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menyeru supaya kemudahan-kemudahan utama termasuk rangkaian perhubungan antara pengangkutan laut dan jalan raya yang lancar, utiliti (air, elektrik dan internet), serta perkhidmatan khusus seperti pergudangan, sokongan kastam dan logistik sekitar zon perdagangan bebas Kuala Baram disediakan oleh pihak MPA dan kerajaan. Ini adalah disebabkan oleh

**kekurangupayaan PKS dari segi
kewangan untuk pelaburan infrastruktur
pra-pengeluaran**

Kebimbangan tersebut adalah berasas apabila pihak MPA memaparkan kecenderungan ketika dalam sesi temubual untuk meletakkan tanggungjawab pembangunan infrastruktur di atas bahu syarikat swasta.

Apabila kebaikan inisiatif dan dasar yang ditawarkan kepada zon perdagangan bebas yang mengelilingi Pelabuhan Miri hanya dinikmati oleh syarikat-syarikat multinasional yang bermodal besar,

PKS tempatan akan tercicir daripada gelombang pembangunan

Kedua, jika zon ekonomi khas hanya meliputi kawasan yang terbentang dari Kuala Baram ke Kuala Belait, Brunei, Miri akan terlepas daripada sasaran dasar. Maka,

limpahan ekonomi daripada zon ekonomi khas kepada ekonomi tempatan adalah amat terhad⁷

Ketiga, memandangkan kebanyakan aktiviti ekonomi di Miri adalah berasaskan perdagangan, pelancongan dan sektor perkhidmatan yang lain, ia akan berlakunya

ketidaksambungan antara keperluan zon ekonomi khas yang menitikberatkan perindustrian dengan kemahiran pekerja dan pengkhususan perniagaan yang sedia ada di Miri

Ketidaksambungan sebegini akan mengurangkan limpahan ekonomi daripada zon ekonomi khas kepada ekonomi tempatan.

Keempat, zon perindustrian yang sedia ada di Miri menempatkan syarikat-syarikat daripada industri dan sub-industri yang berlainan malahan tidak berkait langsung dari segi rantai bekalan. Taburan

⁷ Frick, S., Rodríguez-Pose, A. (2019). Are special economic zones in emerging countries a catalyst for the growth of surrounding areas? *Transnational Corporations* 26(2), 75-94. Berdasarkan pengalaman 346 SEZs di 22 negara membangun, Frick and Rodríguez-Pose (2019) mendapati bahawa limpahan pertumbuhan adalah terhad di kawasan setempat dan akan mereput secara berterusan sehingga 50 km.

sedemikian tidak akan memanfaatkan syarikat-syarikat tersebut dari segi kebaikan ekonomi luaran dan kesan aglomerasi akibat daripada

**ketidakhadiran ekosistem yang mendorong
syarikat-syarikat saling melengkapi antara
satu sama lain secara mendatar dan
menegak di sepanjang rantai bekalan**

2.14 Pihak agensi kerajaan juga mengalu-alukan pengwujudan zon ekonomi khas yang melonjak daripada kebergantungan ekonomi tempatan antara Miri dan Brunei di samping infrastruktur yang sedia ada seperti Pelabuhan Miri, khususnya berikutan penyiapan pengorekan delta Kuala Baram.

2.15 Apa yang dipentingkan oleh pelancong Brunei adalah

**ketersediaan destinasi dan program
pelancongan yang menarik**

Tidak ketinggalan,

**kemudahan seperti penginapan,
pengangkutan dan pemakanan turut
memainkan peranan penting**

Juga dicadangkan bahawa kemudahan infrastruktur Brunei seperti Lapangan Antarabangsa Brunei harus digunakan dengan sepenuhnya bagi menarik aliran pelancong-pelancong antarabangsa ke Miri secara khususnya dan Sarawak secara umumnya melalui infrastruktur Brunei.

Rasional Perancangan

- 2.16 **(Perancangan pelabuhan)** Pelabuhan Miri mempunyai visi untuk muncul sebagai “A World Class Port by 2030”. Misinya adalah untuk “catalyse economic transformation through advanced digital and green technology for growth and sustainability”. Apabila projek pengorekan delta Kuala Baram siap pada akhir tahun 2026 dengan saluran akses yang lebih mendalam, Pelabuhan Miri akan mempunyai kapasiti untuk mengendalikan 3.5 juta tan kargo setiap tahun.
- 2.17 Andaikan Pelabuhan Miri mampu mengendalikan sekurang-kurangnya 70% daripada kapasiti kargonya dalam kontena, dengan definisi 10 tan kargo kontena bersamaan dengan 1 unit bersamaan dua puluh kaki (TEU: Twenty Feet Equivalent Unit), Pelabuhan Miri berkeupayaan untuk mengendalikan sekurang-kurangnya 245,000 TEUs setahun. Berbanding dengan 48,000 TEUs yang dikendalikan sekarang⁸, ianya akan berkembang melebihi 410%.
- 2.18 Pelabuhan yang mempunyai kapasiti kargo sebanyak 3.5 juta tan setahun merupakan sebuah pelabuhan bersaiz antara sederhana dan besar yang pasti akan menjadi kepentingan serantau dan berfungsi sebagai pintu masuk utama untuk perdagangan serantau, khususnya BIMP-EAGA serta perdagangan dengan negara-negara Asia Timur.
- 2.19 Sejurus penyiapan penggalian saluran akses, pelabuhan dengan daya pengeluaran ini bukan sahaja memerlukan infrastruktur yang dibangunkan dengan baik, termasuk dermaga, kemudahan penyimpanan dan peralatan pengendalian yang cekap, ia juga memerlukan pembangunan aktiviti ekonomi yang pesat agar situasi kurang guna tidak berlaku.
- 2.20 Maka, pengwujudan sebuah zon ekonomi khas yang bersebelahan pelabuhan dengan penglibatan pelbagai peindustrian strategik yang memanfaatkan kemudahan pelabuhan tersebut pasti akan merangsangkan pembangunan pelabuhan. Dengan membangunkan logistik dan perindustrian berpusatkan pelabuhan, pelabuhan yang

⁸ BIMP-EAGA (2015). The BIMP-EAGA Port Booklet. BIMP-EAGA Facilitation Center. Available at <https://bimp-eaga.asia/documents-and-publications/bimp-eaga-port-booklet>

sederhana mampu berubah menjadi pusat kargo serantau dan pengedaran yang cekap.

- 2.21 **(Perancangan pembangunan serantau)** Sebaliknya juga, pelabuhan yang beraktiviti pesat akan menyumbang kepada ekonomi tempatan dan serantau melalui pekerjaan, hasil cukai, dan peningkatan perdagangan. Ia memudahkan perdagangan serantau, menjana pekerjaan dan menyokong industri tempatan, bertindak sebagai hab untuk kargo dan pengedaran, menyediakan akses kepada pasaran yang lebih luas, dan memupuk integrasi ekonomi serantau. Ianya selaras dengan tumpuan *Rancangan Malaysia Ke-13* yang menitikberatkan keseimbangan pembangunan antara wilayah.
- 2.22 **(Perancangan perindustrian Sarawak)** *Sarawak Industrial Development Plan* (SIDP) merupakan inisiatif kerajaan yang penting untuk mengenalpasti industri-industri berimpak tinggi mengikut kluster berasaskan sumber dan bukan sumber yang menawarkan potensi besar untuk pelaburan⁹. Memandangkan bahawa industri-industri tersebut berorientasikan eksport, memerlukan kepakaran dan kecekapan birokrasi yang konsisten, insentif kerajaan yang lengkap, kemudahan infrastruktur logistik yang cekap dan bersepadu, pengwujudan kelompok perindustrian yang menawarkan rantai bekalan yang tangkas dan responsif, dan sebagainya, maka zon ekonomi khas merupakan pendekatan strategik yang melengkap dan mengukuh pelaksanaan strategi pembangunan sedia ada¹⁰.
- 2.23 Walaupun ekonomi Sarawak antara yang paling menyumbang kepada ekonomi Malaysia (lihat **Rajah 1.1**) dan mempunyai potensi pembangunan yang besar, setakat ini Sarawak tidak mempunyai sebarang zon ekonomi khas yang mampu memainkan peranan sebagai pemangkin kepada pembangunan. Kesemua zon ekonomi khas, termasuk East Coast Economic Region (ECER), Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ), Forest City Special Financial Zone (SFZ), Malaysia Vision Valley (MVV), Multimedia Super Corridor (MSC)

⁹ Antara kluster berasaskan sumber adalah kayu, agro dan pemprosesan makanan, petrokimia dan gas, minyak sawit, Seramik lanjutan, serta bioteknologi. Manakala kluster berasaskan bukan sumber termasuk elektrik dan elektronik serta pembinaan kapal.

¹⁰ Aggarwal, A. (2019). SEZs and economic transformation: towards a developmental approach. *Transnational Corporation* 26(2), 27-47.

dan Northern Corridor Economic Region (NCER), tertumpu di Semenanjung Malaysia (lihat **Rajah 2.2**).

Rajah 2.2

Taburan SEZs yang tertumpu di Semenanjung Malaysia




Nota: NCER: Northern Corridor Economic Region; ECER: East Coast Economic Region; JS-SEZ: Johor-Singapore Special Economic Zone; SFZ: Forest City Special Financial Zone; MVV: Malaysia Vision Valley; MSC: Multimedia Super Corridor

Rasional Geostrategi

- 2.24 Kapasiti Pelabuhan Kuala Baram yang mempunyai saluran akses yang lebih mendalam pada tahun 2027 akan muncul sebagai pelabuhan ketujuh terbesar di rantau BIMP-EAGA (lihat **Rajah 2.3**). Walaupun Pelabuhan Kuala Belait hanya berkapasiti untuk kapal yang lebih kecil dan tidak dilengkapi untuk mengendalikan jumlah kargo yang sama seperti Pelabuhan Muara, kerjasama strategik antara Pelabuhan Kuala Baram dan Kuala Belait berpotensi mampu untuk menarik perdagangan di bahagian barat selatan Brunei yang memerlukan kemudahan logistik laut dalam.

Rajah 2.3

Gabungan Pelabuhan Miri dan Kuala Belait mempunyai kapasiti antara yang terbesar di rantau BIMP-EAGA



Nota: Kapasiti adalah berdasar bacaan sebenar pada tahun 2024 atau yang dijangka apabila pendalaman pelabuhan siap pada tahun 2027.

- 2.25 Kerjasama antara kedua-dua pelabuhan berpotensi untuk mencetus pembangunan melalui pengumpulan sumber, perkongsian kepakaran, dan kerjasama dalam projek infrastruktur, pembangunan pasaran dan inisiatif alam sekitar. Pendekatan kerjasama sedemikian boleh

membawa kepada pencapaian skala ekonomi, peningkatan daya saing dan pertumbuhan yang mampan untuk kedua-dua pelabuhan, serta kelestarian alam sekitar (lihat **Rajah 2.4**).

- 2.26 Padahal, zon ekonomi khas berorientasikan Pelabuhan Kuala Baram dan Kuala Belait yang berada di kawasan koridor ekonomi Borneo Barat BIMP-EAGA dan menghadapi Laut Cina Selatan akan mempertingkatkan keterlihatannya dan menarik lebih banyak perhatian, terutamanya daripada syarikat perkapalan dan kargo serantau dan antarabangsa yang ingin memanfaatkan integrasi dasar dan inisiatif daripada kedua-dua pihak. Rangkaian pengangkutan yang lebih cekap dan saling berkait membolehkan syarikat multinasional menerokai pasaran Borneo, BIMP-EAGA dan Asia timur.

Rajah 2.4

Sinergi ekonomi berikutan kerjasama pelabuhan





Pelaksanaan dasar pelabuhan hijau

- Kerjasama dalam projek alam sekitar, seperti melaksanakan dasar pelabuhan hijau, mengurangkan pelepasan karbon, menambah baik pengurusan sisa, meningkatkan prestasi alam sekitar zon ekonomi khas dan menarik minat perniagaan dan pengguna yang mementingkan alam sekitar



Pertumbuhan pasaran

- Kerjasama dalam usaha pemasaran, promosi dan penyelarasan jaringan logistik meningkatkan keterlihatan pelabuhan yang akan menarik lebih ramai pelanggan, terutamanya syarikat perkapalan dan syarikat kargo serantau dan antarabangsa.



Perkongsian maklumat

- Dengan perkongsian risikan pasaran, pelabuhan boleh menangani projek yang lebih besar dan di luar kemampuan individu mereka. Contohnya, mereka boleh meningkatkan infrastruktur pengendalian kontena atau membangunkan hab logistik bersama.



Penyelarasan strategik

- Penyelarasan inisiatif dan insentif boleh membawa kepada pendekatan yang lebih bersatu untuk pembangunan wilayah dan perancangan infrastruktur, menghasilkan rangkaian pengangkutan yang lebih cekap dan saling berkaitan.



Perkongsian kepakaran

- Berkongsi pengetahuan dan amalan terbaik dalam bidang seperti pengurusan pelabuhan, protokol keselamatan dan peraturan alam sekitar boleh meningkatkan kecekapan dan keberkesanan bagi kedua-dua pelabuhan. Mereka juga boleh bekerjasama dalam program latihan untuk kakitangan pelabuhan dan memberikan sokongan bersama dalam menangani cabaran tertentu.

Visi & Misi

Kenyataan Visi

- 3.1 Membangunkan Koridor Miri-Kuala Baram–Kuala Belait sebagai Zon Ekonomi Khas bertaraf dunia yang berfungsi sebagai hab serantau bagi perindustrian dan perdagangan mampan serta inovasi demi menyokong pembangunan ekonomi Sarawak dan Brunei secara strategik.

Visi

- 3.2 Zon Ekonomi Khas Miri-Kuala Baram–Kuala Belait (MKBs-SEZ) merupakan inisiatif rentas sempadan transformatif antara Sarawak dan Brunei Darussalam. Dengan berlandaskan kemudahan infrastruktur menjangkau Miri, Kuala Baram dan Kuala Belait, MKBs-SEZ menyasarkan perkembangan potensi ekonomi penuh Borneo utara dengan memangkin perdagangan serantau, pembangunan perindustrian dan pertumbuhan ekonomi yang diterajui oleh inovasi dan kemapanan. Zon ini akan bertindak sebagai pintu masuk serantau yang menghubungkan koridor pertumbuhan BIMP-EAGA dengan rangkaian nilai global.

Misi

3.3 Misi MKB-SEZ tertumpu kepada 3P, iaitu



Perindustrian

Mewujudkan SEZ bersepadu yang memangkin perkembangan perindustrian mampan dan berinovasi



Pengintegrasian

Mengintegrasikan PKS ke dalam rantaian bekalan serantau di samping memposisikan ekonomi Sarawak dalam pasaran dunia



Pekerjaan

Menjana peluang pekerjaan berkualiti tinggi yang membawa kepada pendapatan tinggi

Cadangan Nilai

- 3.4 Selaras dengan Visi dan Misi tersebut, MKBs-SEZ menawarkan cadangan nilai (*value proposition*) berikut kepada pihak-pihak berkepentingan yang akan bermanfaat dalam inisiatif ini. Ia juga berdasarkan rumusan pengalaman yang lepas¹¹.



SEZ bersepadu

Mempertingkatkan kapasiti, kecekapan dan sambungan pengangkutan pelbagai mod

Mengharmonikan dasar perdagangan, kastam dan pelaburan



Pelaburan berimpak tinggi

Fokus kepada perkhidmatan minyak & gas, petrokimia, tenaga boleh diperbaharui, pemprosesan pemakanan & pertanian, serta pembuatan dan logistik pintar



Perindustrian mampan

Mengutamakan tenaga hijau, ekonomi kitaran dan pembangunan modal insan



Dukungan PKS tempatan

Menawarkan akses kepada sumber penting dan peluang pengintegrasian ke dalam rangkaian bekalan serantau



Pekerjaan berkualiti

Menjana peluang pekerjaan yang berkualiti dan berpendapatan tinggi bagi setiap lapisan kemahiran

¹¹ Zeng, D.Z. (2021b). The past, present, and future of special economic zones and their impact. *Journal of International Economic Law* 24(2), 259-275.

- 3.5 Cadangan nilai yang memanfaatkan pihak berkepentingan memainkan peranan penting dalam keberkesanan pelaksanaan MKBs-SEZ. Contohnya, kemudahan logistik yang diutamakan oleh pengusaha adalah penyepaduan pelbagai mod logistik yang lancar dan cekap. Begitu juga dengan dasar perdagangan, kastam dan pelaburan rentas sempadan. Keharmonian dan ketelusan dasar dan inisiatif senantiasanya diutamakan dalam pelaburan jangka panjang¹². Maka, pembangunan infrastruktur berkenaan logistik, teknologi maklumat dan dasar secara holistik adalah inisiatif yang penting sekali.
- 3.6 Kajian menunjukkan bahawa kejayaan zon ekonomi khas bergantung kepada kedekatan dengan pelabuhan, ketersediaan pekerja terutamanya yang berkemahiran tinggi¹³, kesan aglomerasi¹⁴ dan keupayaan zon untuk menghadapi cabaran luaran seperti perubahan iklim dan gangguan rantai bekalan¹⁵. Maka, penarikan pelaburan berimpak tinggi adalah kritikal untuk pengwujudan kesan aglomerasi dan berfungsi sebagai daya graviti kepada bakat-bakat berkemahiran tinggi.
- 3.7 Harus diingati bahawa perkembangan zon ekonomi khas bukannya jaminan kepada pembangunan ekonomi tempatan. Padahal, kajian menunjukkan bahawa kesan limpahan dari zon ekonomi khas ke ekonomi tempatan sama ada tidak ketara¹⁶, terhad kepada lingkungan kawasan tertentu¹⁷ atau mengambil masa yang panjang dan tidak efektif dari segi kos¹⁸. Masalah pokoknya adalah kegagalan perusahaan

¹² Frick, S.A., Rodríguez-Pose, A. (2023). What draws investment to special economic zones? Lessons from developing countries. *Regional Studies* 57(11), 2136-2147.

¹³ EBRD (2024). "Regional Inequality and Special Economic Zones" in *Transition Report 2024-2025: Navigating Industrial Policy*.

¹⁴ Li, X., Wu, X., Tan, Y. (2021). Impact of special economic zones on firm performance. *Research in International Business and Finance* 58, 101462. Xi, Q., Sun, R., Mei, L. (2021). The impact of special economic zones on producer services productivity: Evidence from China. *China Economic Review* 65, 101558. Wang, J. (2013). The economic impact of special economic zones: Evidence from Chinese municipalities. *Journal of Development Economics* 101, 133-147. Wu et al., (2020), *ibid.*, 12.

¹⁵ Zeng (2021b), *ibid.*, 20.

¹⁶ Abagna, M.A. (2025). Special economic zones and local economic activities in Ethiopia. *Review of World Economics*. <http://doi.org/10.1007/s10290-025-00598-0>. EBRD (2024), *ibid.*

¹⁷ Frick, S.A., Rodríguez-Pose, A. (2019). Are special economic zones in emerging countries a catalyst for the growth of surrounding areas? *Transnational Corporations* 26(2), 75-94.

¹⁸ Karimah, I.D., Yudhistira, M.H. (2020). Does small-scale port investment affect local economic activity? Evidence from small-port development in Indonesia. *Economics of Transportation* 23, 100180.

kecil dan sederhana tempatan untuk menembusi rantai bekalan antarabangsa¹⁹.


- 3.8 Selain itu, ketidakupayaan zon ekonomi khas untuk memacukan ekonomi tempatan berpunca daripada pelaburan yang berimpak rendah dan tidak mampu untuk menjana peluang pekerjaan yang menarik.
- 3.9 Oleh hal yang sedemikian, MKBs-SEZ akan memberi perhatian sepenuhnya kepada usaha mendukung industri tempatan dengan menawarkan akses kepada sumber penting dan peluang pengintegrasian kepada rantai bekalan serantau.
- 3.10 Pada masa yang sama, tumpuan terhadap perindustrian berimpak tinggi dijangka akan menjana peluang pekerjaan berkualiti tinggi dengan tawaran gaji dan upahan yang setimpal. Daya perbelanjaan yang tinggi sterusnya akan memacukan lagi ekonomi tempatan.

¹⁹ Abagna (2025), *ibid.*, 22. Frick, S.A., Rodríguez-Pose, A. (2021). Special economic zones and sourcing linkages with the local economy: Reality or pipedream? *The European Journal of Development Research* 34, 655-676. Rodríguez-Pose, A., Bartalucci, F., Frick, S.A., Santos-Paulino, A. U., Bolwijn, R. (2022). The challenge of developing special economic zones in Africa: Evidence and lessons learnt. *Regional Science Policy & Practice* 14(2), 456-482.

Tonggak Pembangunan

Kerangka MKBs-SEZ

- 4.1 MKBs-SEZ mempunyai empat nod dalam rangkaian perindustrian, perdagangan dan pelancongan, iaitu Miri, Kuala Baram, Sungai Tujoh dan Kuala Belait (lihat **Rajah 4.1**). Jarak linear di antara Kuala Baram dan Imigresen Sungai Tujoh dengan Miri adalah lebih kurang 10KM dan 24KM masing-masing, manakala jarak di antara Imigresen Sungai Tujoh dan Miri adalah 26KM. Sedangkan jarak perjalanan di antara Imigresen Sungai Tujoh dan Pelabuhan Kuala Belait adalah 25KM.



- 4.2 Kajian menunjukkan bahawa SEZ mampu meningkatkan daya produktiviti pekerja sebanyak 1.5% secara puratanya. Walau bagaimanapun, kesan limpahan positif tersebut akan meleset sebanyak 0.06% bagi setiap tambahan kilometer jarak di antara kedudukan syarikat dengan pusat SEZ²⁰. Maka, jarak perjalanan antara setiap noda yang terletak di dalam lingkungan 30KM adalah sesuai

²⁰ Wu et al., (2020), *ibid.*, 21. Lihat juga Frick and Rodríguez-Pose (2019), *ibid.*, 12.

untuk pembangunan zon ekonomi khas yang mampu membawa limpahan ekonomi maksima.

- 4.3 Setiap noda rangkaian MKBs-SEZ mempunyai Kawasan Zon Perdana (KZP) masing-masing yang menitikberatkan sektor keutamaan yang berlainan. Perancangan sektor keutamaan adalah selaras dengan kelebihan daya saing dan kemudahan infrastruktur di kawasan zon perdana masing-masing (lihat **Rajah 4.2**).

Rajah 4.1

Zon ekonomi khas Miri-Kuala Baram-Kuala Belait



Nota: Kuala Baram dan Kuala Belait adalah pusat asal bagi bulatan masing-masing. Diameter bagi bulatan terkecil adalah 10KM (maka, radius adalah 5KM), diikuti dengan bulatan berdiameter 20KM dan sebagainya.



Pembuatan dan logistic pintar



Perindustrian berimpak tinggi



Kompleks pelancongan bersepadu



Pelancongan



Perdagangan



Perkhidmatan pintar

Rajah 4.2

Kawasan zon perdana dengan sektor keutamaan di MKBs-SEZ



Kuala Baram yang berpacu kepada kemudahan Pelabuhan Miri dibangunkan sebagai zon perdagangan bebas untuk menempatkan pelbagai industri berimpak tinggi di samping mengutamakan perindustrian dan logistik pintar yang didayakan oleh kecerdasan buatan.

Adanya pelabuhan laut dalam ekoran penyelesaian fasa kedua pengorekan dan zon perdagangan bebas, ianya amat sesuai untuk menempatkan sektor berorientasikan eksport yang berimpak tinggi seperti minyak dan gas, petrokimia, kelapa sawit, industri berasaskan kayu, dan pemprosesan makanan.



Miri merupakan bandaraya yang mempunyai kemudahan infrastruktur yang lengkap, modal insan yang produktif, habitat semula jadi yang menarik, dan rangkaian perdagangan yang aktif.

Maka Miri adalah destinasi yang amat sesuai untuk terus diperkembangkan sebagai destinasi pelancongan sama ada berunsurkan habitat semula jadi atau acara. Perkhidmatan sokongan seperti hotel penginapan, pemakanan, logistik, penganjuran acara dan sebagainya boleh dipergiatkan.

Di samping itu, aktiviti perkhidmatan profesional seumpama perbankan, insurans, perakaunan, pentadbiran, sumber manusia dan sebagainya yang melengkapi pembangunan kawasan zon perdana Kuala Baram juga akan dipergiatkan.

Pergabungan unsur perdagangan, rekreasi dan infrastruktur sedia ada boleh dijadikan sebagai daya tarikan kepada golongan nomad digital dari seluruh dunia.

Pengwujudan sebuah zon bebas cukai atau zon cukai keutamaan bagi syarikat dan individu yang terlibat dalam Kawasan Zon Perdana Miri dijangkakan akan mengalir masuk pelaburan tempatan dan golongan profesional, sekaligus membentuk rangkaian bekalan dan modal insan yang penting dalam keberkesanan pelaksanaan SEZ.

Taman teknologi dan inovasi ditubuhkan di kedua-dua Kawasan Zon Perdana Kuala Baram dan Miri sebagai taman kembar untuk memupuk daya inovasi Sarawak dengan menempatkan inkubator yang menawarkan penyelesaian ESG (alam sekitar, sosial dan tadbir urus) dan R&D (penyelidikan dan pembangunan) dalam teknologi berkaitan dengan applikasi AI, blockchain dan tenaga hijau.



Imigresen Sungai Tujoh dibangunkan sebagai Kompleks Pelancongan Bersepadu (KPB) yang memudahkan aliran pedagang dan pelancong di antara Miri dan Brunei melalui pelbagai mod pengangkutan yang bersambung dengan lancar dan pantas. Kompleks tersebut menawarkan perkhidmatan pemprosesan kastam dan pemeriksaan di samping sambungan pengangkutan dan perniagaan peruncitan.

Empat Tonggak Pembangunan

- 4.4 Selaras dengan Visi, Misi dan Cadangan Nilai yang digariskan, pelaksanaan MKBs-SEZ akan berpaut kepada empat tunjang pembangunan (*development pillars*) yang menitikberatkan kemudahan dan kemapanan infrastruktur SEZ, kerjasama antara kerajaan dan kementerian, perindustrian berlandaskan aglomerasi dan PKS tempatan, serta kepintaran operasi (lihat **Rajah 4.3**).
- 4.5 **Kemudahan infrastruktur SEZ** seperti taman perindustrian dan teknologi, gudang berikat, dan hab logistik harus disediakan di samping memaparkan unsur **kelestarian**, di mana
- i. sumber tenaga yang menyokong operasi SEZ berpacu kepada tenaga boleh diperbaharui,
 - ii. pengendalian air yang digunakan untuk penyejukan, pemprosesan, pembersihan, pembilasan dan sebagainya dalam pengeluaran adalah mengikuti piawaian kemapanan,
 - iii. ESG diamalkan di SEZ, dan sebagainya.
- 4.6 Kelengkapan kemudahan dan pemaparan kelestarian adalah amat penting bagi kejayaan SEZ. Ianya bukan sahaja berfungsi sebagai tarikan asas kepada kemasukan pelabur-pelabur antarabangsa untuk mengelak daripada ketidasampaian penggunaan kapasiti SEZ secara sepenuhnya yang pasti akan menghakis keberkesanan SEZ²¹, tetapi juga untuk mengatasi kengkangan yang menghadapi perusaha tempatan sebagaimana yang ditimbulkan ketika penemuan dengan pihak berkepentingan (lihat hujah 2.13).

²¹ Sa'dia, N.H., Fitradly, A. (2023). Evaluation of special economic zones (SEZ) impact on economic growth: Evidence of Simalungun Regency. *International Review for Spatial Planning and Sustainable Development B: Planning Analysis and Simulation* 11(4), 113-130.

Rajah 4.3

Tonggak pembangunan MKBs-SEZ



4.7 Keberkesanan pelaksanaan SEZ amat berhubung rapat dengan kecekapan birokrasi. Dedikasi agensi kerajaan yang tinggi adalah penyumbang utama kepada kejayaan ekonomi SEZ²². Memandangkan pelaksanaan MKBs-SEZ melibatkan kerajaan Sarawak dan Brunei, dan juga kementerian yang berlainan, maka **kerjasama merentasi sempadan dan kementerian** dari segi penyelarasan dasar dan tadbir urus, kerjasama pelabuhan sebagaimana yang ditunjukkan di **Rajah 2.4**, pemasaran dan pelaksanaan bersama, perkongsian maklumat dan sebagainya amat diperlukan.

4.8 Faktor tarikan utama yang juga berfungsi sebagai daya sentripetal kepada pelaburan asing adalah pengwujudan rantai bekalan dan ekosistem yang lengkap. Ianya hanya akan terjadi apabila pendekatan **pengelompokan industri** yang diutamakan. Pengelompokan industri membolehkan kesan aglomerasi di mana manfaat ekonomi akan dihasilkan apabila perusahaan dan bakat sepanjang rantai bekalan dikelompokkan di sesebuah kawasan tertentu bagi memaksimumkan kesan pembelajaran (*learning effect*) dan kesan saling melengkapi (*complementary effect*).

Tonggak ini adalah selaras dengan penemuan yang disenaraikan di hujah 3.6 dan juga seruan pihak berkepentingan tempatan yang dibincangkan di hujah 2.13.

4.9 **Penyertaan PKS tempatan** di KZP harus diberangsangkan memandangkan kepentingan PKS kepada ekonomi tempatan. Perkembangan SEZ akan hilang ertinya jikalau ianya tidak membawakan kebaikan langsung kepada warga Sarawak secara menyeluruh. Insentif dan sokongan dasar yang menepati sasaran akan menjadi loncatan penting kepada PKS dalam usaha mengintegrasikan dirinya kepada rantai nilai serantau dan membuka pasaran antarabangsa.

Tonggak ini adalah laungan langsung kepada Cadangan Nilai bersama dengan penemuan kajian di hujah 3.7 dan juga seruan pihak berkepentingan tempatan yang dibincangkan di hujah 2.13.

²² Phommachanh, N. (2024), *ibid.*, 10. Rodríguez-Pose et al. (2022), *ibid.*, 23.

- 4.10 SEZ di abad Ke-21 yang berhadapan dengan gelombang perubahan teknologi yang pesat mestilah berlandaskan **kecekapan operasi dengan pengintegrasian teknologi yang terbaharu serta penyelerasan kemudahan kastam dan perdagangan**. Ianya termasuk penawaran sistem tetingkat tunggal (*single-window system*), pengamalan konsep pintar dalam pengurusan pelabuhan dan kastam, pengwujudan printis untuk eksperimen dasar seperti penerimagunaan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*), internet perkara (*internet of things*), teknologi blockchain dan sebagainya dalam aktiviti ekonomi berkenaan dengan operasi pelabuhan, pergudangan, logistik, perusahaan dan kastam.

Realisasi tonggak ini bukan sahaja memodenisasikan kemudahan infrastruktur SEZ, malahan ia akan melonjakkan pembangunan industri teknologi yang berkenaan dan memperkasakan penerimagunaan teknologi IR4.0 di kalangan perusahaan dan perdagangan rentas industri.

Pelan Tindakan

Sasaran & Inisiatif Bagi Tonggakan 01

Sasaran

70% daripada 1000 ekar FTZ diduduki

600MW kapasiti elektrik terpasang disediakan

60% daripada kapasiti elektrik terpasang adalah tenaga boleh diperbaharui

IWRM dasar dan peraturan pengendalian air diamalkan

100% liputan 4G LTE & 5G

¹Sarawak Digital Economy Blueprint 2030, Post COVID-10 Development Strategy 2030, dan Rancangan Malaysia ke-13.

²Sarawak Sustainability Vision 2030, Water Sector Transformation 2040

Inisiatif

Menggariskan sektor-sektor yang diutamakan di setiap KZP yang selaras dengan pelan transformasi kerajaan Sarawak dan nasional¹ untuk menawarkan insentif khusus

Kerjasama awam dan swasta dalam pembinaan kemudahan industri termasuk gudang, ruang kilang dan pejabat, dan sebagainya

Menyelaraskan kerjasama antara pengusaha swasta, pengendali tenaga boleh diperbaharui dan Sarawak Energy Berhad untuk memastikan ketersediaan infrastruktur bekalan tenaga hijau

Menyediakan amalan dan peraturan yang selaras dengan pelan keamanan kerajaan Sarawak dan negara² bagi melaksanakan pengendalian air, tanah dan sumber alam yang berkenaan bagi memastikan keamanan pembangunan ekonomi dan sosial.

Menyelaraskan kerjasama antara pengusaha swasta dan pengendali telekomunikasi bagi memastikan kesediaan infrastruktur internet dan telekomunikasi yang bertaraf dunia.

Sasaran & Inisiatif Bagi Tonggakan 02

Sasaran Inisiatif

MOU ditandatangani antara kerajaan Sarawak dan Brunei

Memorandum persefahaman ditandatangani antara kedua-dua pihak kerajaan berkenaan penubuhan zon ekonomi bebas rentas sempadan

IMFC-MKB ditubuhkan

Invest Malaysia Facilitation Centre – Miri-Kuala Baram ditubuhkan untuk menyelaraskan urusan rentas kementerian dalam usaha menarik dan merealisasikan pelaburan asing

Majlis Pembangunan Bakat ditubuhkan

Menubuhkan Majlis Pembangunan Bakat untuk memastikan bekalan bakat adalah sepadan dengan keperluan SEZ dengan menjalin kerjasama rapat antara akademik dan industri, menganjurkan program latihan TVET, merancang keupayaan bakat dan aliran masuk bakat asing, dan sebagainya

Majlis Koordinasi MKBs ditubuhkan

Majlis Koordinasi MKBs ditubuhkan untuk berfungsi sebagai badan yang melaksanakan perancangan strategik, penyelarasan dasar, promosi pelaburan, pemantauan dan penilaian, serta penyelesaian konflik. Majlis tersebut harus terdiri daripada unit

- i. Urusetia (secretariat)
- ii. Jawatankuasa dan kumpulan kerja (committees and working groups)
- iii. Wakil-wakil daripada pihak berkepentingan (representatives)

Sasaran & Inisiatif Bagi Tonggakan 03

Sasaran Inisiatif

1.5% lebih tinggi daripada pertumbuhan purata KDNK benar Miri

>18% kadar pertumbuhan aktiviti ekonomi di KZP

>25% pertambahan penglibatan PKS dalam eksport

>10% daripada jumlah eksport Sarawak disumbangkan oleh Miri

>10% Miri menyumbang kepada KDNK Sarawak

>RM6 billion eksport Sarawak ke Brunei

Lima teratas dalam pelaburan swasta yang diluluskan antara negeri

>60% pengunjung adalah bukan warga Sarawak

>RM63,570 KDNK per kapita Miri

>RM9134 pendapatan bulanan purata isi rumah Miri

Memberikan insentif cukai kepada syarikat dan individu yang menceburi sektor diutamakan, berorientasikan eksport, berteknologi tinggi, bersumberkan pembekal tempatan, pewujudan hab antarabangsa perkhidmatan dan pengeluaran, serta menggajikan bakat tempatan. Ianya termasuk

- i. kadar cukai pendapatan pada 15% dalam tempoh 10 tahun yang pertama dan sambungan kadar cukai istimewa apabila terma ditepati
- ii. Insentif cukai dan geran sepadan bagi penempatan semula ke KZP dan sektor keutamaan
- iii. Pengecualian duti kastam dan cukai jualan & perkhidmatan bagi peralatan, jentera dan perisian yang dipakaiguna untuk pengeluaran
- iv. Pengecualian daripada levi tempatan

Prosedur bagi penggunaan tanah dipermudahkan manakala fi penggunaan tanah dan utiliti diberikan diskaun

Layanan istimewa dalam perolehan modal pelaburan dan perdagangan

Aliran kewangan dan bakat rentas sempadan yang lebih flesibel

Sasaran & Inisiatif Bagi Tonggakan 04

Sasaran Inisiatif

KPB ditubuhkan

Sistem tetingkat tunggal ditubuhkan

Perintis Eksperimen ditubuhkan

Pelepasan Kod QR dilancarkan

Konvensyen & Forum antarabangsa diadakan pada setiap masa

Membina Kompleks Pelancongan Bersepadu untuk menyelaraskan segala urusan kastam dan pengangkutan sama ada rentas sempadan atau dalam negeri bagi menawarkan ketersambungan perhubungan yang lancar dan pengalaman pelancongan yang istimewa

Menubuhkan sistem tetingkat tunggal (*single-window system*) yang berfungsi sebagai *one-stop centre* di bawah pemantauan Majlis Koordinasi MKBs bagi menyelaraskan segala tadbir urus rentas kementerian berkenaan dengan pengrealisasian pelaburan dan pengeluaran di KZP

Melancarkan pelepasan kod QR bagi memudahkan aliran perdagangan dan pelancongan rentas sempadan

Melaksanakan perintis eksperiment di KZP masing-masing bagi memangkinkan penerimgunaan teknologi seperti konsep pintar, kembar digital, kecerdasan buatan, internet perkara, blockchain, dan sebagainya dalam operasi pelabuhan, pergudangan, kastam, logistik, perusahaan, penglobalisasian sijil halal, dan perkhidmatan lain.

Mengadakan konvensyen antarabangsa setiap tahun di samping forum pelabur di dalam dan luar negara dari semasa ke semasa bagi tujuan promosi dan tarikan pelaburan